

Hisham jamin institusi Raja terus dihormati
Malaysiakini.com
May 19, 2010

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein memberi jaminan bahawa Institusi DiRaja Kelantan tetap dihormati berikutan timbul dakwaan bahawa kerabat DiRaja Kelantan dikasari polis.

Beliau berkata pihaknya akan memberikan khidmat yang terbaik kepada institusi Raja kerana ia merupakan institusi yang disayangi.

Bagaimanapun beliau tidak memaklumkan hasil pertemuan dengan Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid selama dua jam mulai 9 malam di Istana Mahkota di Kubang Kerian, di Kota Bharu, hari ini.

"Kita akan buat apa yang terbaik dengan memberikan penghormatan yang sepatutnya kepada institusi raja yang disayangi.

"Kita akan lakukan dengan tertib, teliti dan terbaik," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Hishammuddin berkata demikian berikutan dakwaan Tengku Anis telah dikasari polis apabila Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra dirawat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) pada 4 Mei lalu.

Bagaimanapun Timbalan Ketua Polis Kelantan Datuk Amir Hamzah Ibrahim menafikan dakwaan itu dan meminta pihak terbabit supaya membuat laporan polis.

Berikutan itu, kekanda Sultan Kelantan Tengku Merjan Yahya Petra mendesak Hishammuddin memberikan penjelasan mengenai dakwaan Tengku Anis itu.

- Bernama